



EDISI JAN - JUN
2025

01/25

○○○○

BULETIN

SEKITARAN MDBG



PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM BIL.1/2025 MAJLIS DAERAH BATU GAJAH & MAJLIS MENANDATANGANI IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)

Perhimpunan Penjawat Awam Bil.1/2025 Majlis Daerah Batu Gajah & Majlis Lafaz & Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) oleh warga Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah diadakan pada 14 Januari 2025 bertempat di Auditorium Aras 1, MDBG.

Seramai 209 warga MDBG yang telah diketuai Tuan Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua MDBG telah melafazkan Ikrar Bebas Rasuah yang disaksikan oleh Penguasa Mohammad Rozli bin Yusuf, Ketua Cawangan Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Negeri Perak.

MDBG komited dan akan memberi sepenuh komitmen dalam memerangi rasuah. Pengurusan organisasi/jabatan yang efisien dan berkesan terbukti apabila setiap kakitangan dalam sesebuah jabatan tersebut mengamalkan nilai integriti yang utuh dalam melaksanakan tugas harian berpandukan garis panduan dan Standard Operation Procedure (SOP) yang telah ditetapkan. Ikrar Bebas Rasuah (IBR) ini merupakan satu inisiatif Jabatan dalam menyahut seruan Kerajaan menentang rasuah di dalam semua peringkat lapisan masyarakat untuk membudayakan dan menyemai semangat integriti yang tinggi.

Dalam Majlis yang sama, turut berlangsung Sesi Penyerahan Kamera Badan (BWC) kepada anggota Penguatkuasa yang telah disempurnakan oleh Tuan Yang Dipertua dan Penguasa Mohammad Rozli bin Yusuf.



www.mdbg.gov.my



05-363 2020

MYBFF EXPLORACE CHALLENGE “WAR ON SUGAR”

Tarikh : 14 Februari 2025 (Jumaat)
Tempat : Silverlakes Village Outlet, Batu Gajah

Program My Body Is Fit and Fabulous (MyBFF) MDBG pada sesi kali ini adalah bertemakan explorace di sekitar Silverlakes Village Outlet (North Village) Batu Gajah.

Program anjuran Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MDBG ini juga telah mendapat kerjasama yang baik bersama Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pejabat Kesihatan Daerah Kinta.

Para peserta telah dibahagikan kepada 9 kumpulan di mana mereka perlu melengkapkan 9 checkpoint yang telah disediakan oleh pihak urusetia.

Semoga program yang bersifat "outdoor" ini memberi impak kepada para peserta terutamanya dari aspek kesihatan mental dan kecergasan secara khususnya.





MAJLIS APRESIASI TAHUN 2024 DAN SAMBUTAN AIDILFITRI TAHUN 2025

28 April - Pada hari ini telah berlangsung Majlis Apresiasi Tahun 2024 dan Sambutan Aidilfitri Tahun 2025 yang diadakan di Dewan Bandaran Kinta, Batu Gajah.

Majlis ini telah disempurnakan sendiri oleh Tuan Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah. Seramai 16 orang anggota telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang disusuli dengan Anugerah Perkhidmatan Terampil dan Anugerah Khas Yang Dipertua.

Turut diraikan pesara yang telah meninggalkan perkhidmatan di MDBG pada tahun 2024 dan penyampaian insentif kepada anak-anak anggota yang mendapat keputusan cemerlang di dalam peperiksaan SPM yang lalu.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima dan terima kasih diucapkan kepada semua tetamu yang hadir memeriahkan sambutan Aidilfitri.



PROGRAM 3R MARKET @ BATU GAJAH - HARI KITAR SEMULA BERSAMA KOMUNITI

Program 3R Market @ Batu Gajah - Hari Kitar Semula Bersama Komuniti yang telah diadakan pada 17 Mei 2025 bertempat di Dataran Komuniti, Batu Gajah merupakan program tahunan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan penglibatan aktif komuniti dalam amalan 3R (Reduce, Reuse, Recycle) serta mempromosikan kitar semula sebagai budaya hidup.

Program ini merupakan inisiatif Majlis Daerah Batu Gajah dengan bantuan dari Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan serta sokongan dari kerajaan Negeri Perak. Usaha memperkukuh hubungan Pihak Berkuasa Tempatan, komuniti dan agensi swasta dalam pembudayaan berterusan amalan kitar semula merupakan objektif yang dirangka menerusi penganjuran program ini.



Slot program yang dirangka merangkumi aspek seperti berikut;

- Pasar Kitar Semula (3R Market): Platform bagi komuniti untuk melaksana tukaran barangan 3R dengan barangan harian. Terdapat juga jualan anak pokok dari tapak semeian Majlis Daerah Batu Gajah dengan tawaran harga yang menarik.
- Eco Green Market @ Pusat Pengumpulan Kitar Semula: Kemudahan bagi penduduk untuk membawa dan menyerahkan barangan kitar semula seperti kertas, plastik, kaca, dan logam yang akan diuruskan oleh pihak yang bertanggungjawab. Tukaran barangan keperluan harian dengan barangan kitar semula.
- Bengkel dan Demonstrasi Kitar Semula: Sesi interaktif yang akan memberikan pengetahuan dan kemahiran praktikal tentang cara mengolah sampah menjadi barangan yang berguna dan bernilai.
- Pameran dan Booth Kesedaran Alam Sekitar: Penyertaan daripada agensi kerajaan yang akan berkongsi maklumat dan inisiatif berkaitan kelestarian alam.
- Aktiviti Menarik untuk Kanak-Kanak: Permainan bertema alam sekitar, aktiviti kraf daripada bahan terbuang, dan sesi pendidikan interaktif untuk menanamkan kesedaran sejak usia muda.





PROGRAM ADVOKASI BERSEPADU KESELAMATAN MAKANAN, WAR ON SUGAR DAN PEMATUHAN LARANGAN MEROKOK SEMPERA TAHUN BARU CINA TAHUN 2025

16 Januari 2025

Medan Selera, Pasar Awam Pusing



Program Advokasi Bersepadu ini telah dijalankan dengan kerjasama Majlis Daerah Batu Gajah, Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Unit Pemakanan dan Unit Inspektorat dan Perundangan, Pejabat Kesihatan Kinta.



Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program tersebut, antaranya ialah pemeriksaan premis makanan oleh Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, penampalan poster 'Kurangkan Gula Ya!' di setiap meja oleh Unit Pemakanan, poster Larangan Merokok di premis makanan oleh Unit Inspektorat dan Perundangan serta poster 'Bebas Styrofoam' oleh Majlis Daerah Batu Gajah.

Edaran risalah serta advokasi kepada pemilik premis dan pengunjung turut dijalankan sepanjang program tersebut.

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat bagi menjayakan program kali ini.

KAWASAN PREMIS KERAJAAN KINI ZON LARANGAN MEROKOK

Batu Gajah, 20 Mac 2025 - Usaha meningkatkan kesedaran dan pembudayaan amalan hidup sihat tanpa rokok sedang giat dijalankan. Mulai 1 April 2025, seluruh kawasan premis kerajaan merupakan kawasan larangan merokok. Tindakan kompaun akan dikenakan kepada individu yang melanggar peraturan. Operasi ini juga menjanjikan penguatkuasaan yang konsisten dan sama rata untuk semua pihak.



PROGRAM WALKABOUT YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH KE BAZAR RAMADAN DATARAN TAMAN ORKID

Batu Gajah - 4 Mac 2025. Menyantuni komuniti peniaga dalam mendapatkan input positif untuk ditambah baik adalah sebahagian dari asas pengurusan di pentadbiran ini. Majlis yang berlangsung telah dirasmikan oleh Encik Mohamad Razif Bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah.

Turut hadir dalam program yang dianjurkan adalah:

- Encik Mohanadas A/L Veraya, Pengarah PERKESO Negeri Perak
- Dr. Mohd Zamri Bin Md Ali, Pengarah Kesihatan Daerah Kinta
- Ahli Majlis, Majlis Daerah Batu Gajah

Dengan adanya inisiatif sebegini, diharapkan peniaga dapat berniaga dengan lebih yakin dan pengunjung pula dapat menikmati juadah berbuka dengan selamat serta berkualiti. Majlis Daerah Batu Gajah sentiasa komited dalam memastikan pembangunan komuniti dalam kawasan pentadbiran terus berkembang, dinamik dan mampan!

Antara hasil yang dicapai dalam program ini adalah:

- Kesedaran dan penyertaan peniaga dalam caruman PERKESO, sekali gus meningkatkan perlindungan sosial mereka.
- Pemeriksaan kualiti makanan bagi memastikan kebersihan dan keselamatan makanan terjamin untuk para pengunjung.
- Sesi beramah - mesra antara peniaga dan pihak berkuasa tempatan, bagi mengenal pasti sebarang cabaran dan peluang penambahbaikan dalam pengurusan Bazar Ramadan.





PROGRAM IXORA@MDBG - KONGSI REZEKI

Tarikh: 18 Mac 2025

Seramai 30 orang penerima telah menerima bantuan kotak makanan

Dengan penuh keprihatinan dan semangat kebersamaan, Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah menganjurkan Program Penyerahan Bantuan Kotak Makanan kepada peserta e-Kasih yang mengandungi barangan keperluan asas seperti beras, minyak, gula, tepung, dan makanan dalam tin. Program ini selaras dengan usaha MDBG dalam membangunkan komuniti yang lebih sejahtera dan inklusif.

Inisiatif ini bukan sekadar menyampaikan sumbangan, tetapi juga mencerminkan komitmen MDBG dalam membantu masyarakat yang kurang berkemampuan, selaras dengan prinsip kesejahteraan dan kebajikan rakyat.

Diharapkan program ini dapat meringankan beban penerima serta memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat. MDBG juga mengalu-alukan lebih banyak pihak untuk turut serta menyokong usaha murni ini demi kesejahteraan komuniti setempat.

Bersama-sama kita menyebarkan kasih sayang dan berkongsi rezeki!



PROGRAM KITAR SEMULA KATEGORI E-WASTE BERSAMA WARGA KERJA CAMFIL SDN BHD

8 April 2025, Selasa – Majlis Daerah Batu Gajah bersama-sama rakan strategik Edsha Solutions Sdn Bhd telah melaksanakan program kitar semula kategori e-waste bersama warga kerja Camfil Sdn Bhd. Program ini merupakan inisiatif pihak Camfil Sdn Bhd dalam usaha memberikan didikan secara konsisten kepada masyarakat ke arah persekitaran yang lestari.

Semoga program yang dilaksana ini dapat membudayakan amalan kitar semula di kalangan masyarakat seterusnya menyasarkan zero waste bagi barangan kitar semula.



PEMBUKAAN KAUNTER PERKHIDMATAN MDBG PENGAL 2/2025 DAN KAUNTER 3R ECO MARKET

Pada 28-29 Jun 2025, MDBG telah membuka kaunter perkhidmatan MDBG bagi penggal 2/2025 dan kaunter 3R Eco Market bertempat di KRT Taman Seri Raia (Sabtu) dan KRT Bandar Pulau Jaya (Ahad).

Tujuan pembukaan kaunter ini ialah untuk membantu komuniti dalam menyelesaikan urusan berkaitan pembayaran cukai taksiran, aduan dan pertukaran barangan 3R kepada barangan keperluan harian.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada warga komuniti KRT Seri Raia dan Bandar Pulau Jaya atas komitmen untuk menjelaskan cukai taksiran dan pertukaran barangan 3R. Tahnikh kerana anda seorang yang bertanggungjawab





PROGRAM TURUN PADANG MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Batu Gajah - 10 Januari 2025, Isu yang dibangkitkan komuniti menerusi platform rasmi aduan merupakan keutamaan kepada Majlis Daerah Batu Gajah.

Program yang berlangsung pada hari ini melibatkan En. Mohamad Razif Bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah, Ahli Majlis, Ketua Komuniti dan ahli dalam komuniti.

Gerak kerja akan diatur sebaiknya untuk memastikan tindakan penyelesaian aduan dapat dilaksanakan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan semasa di lapangan.



GOTONG ROYONG BERSAMA KOMUNITI PENDUDUK TAMAN SAUJANA HARMONI

Batu Gajah- 12 Januari 2025, Tahniah diucapkan kepada komuniti penduduk Taman Saujana Harmoni yang telah berjaya melaksana program gotong royong bagi isu berbangkit dalam kawasan taman.

Semoga hubungan baik dan ukhwah dalam kawasan kejranaan dapat ditingkatkan.



AKTIVITI GOTONG-ROYONG DI PASAR AWAM PUSING

23 Januari 2025 - MDBG telah mengadakan aktiviti gotong-royong di Pasar Awam Pusing. Antara pihak terlibat:

- YB Tuan Steven Tiw Tee Siang, ADUN Tronoh
- Tuan Mohamad Razif Bin Ramli, Yang Dipertua, MDBG
- Ahli Majlis
- Jabatan Teknikal MDBG
- Syarikat Konsesi
- Tenaga Kerja MDBG
- Komuniti Peniaga Pasar Awam Pusing

Ribuan terima kasih kepada semua yang telah bekerjasama dalam membantu menjayakan aktiviti gotong-royong ini. Semoga usaha yang telah dijalankan dapat menjadi pemangkin semangat bagi warga Pusing untuk menjaga kebersihan Pasar Awam Pusing.

SESI LIBAT URUS MAJLIS DAERAH BATU GAJAH BERSAMA KOMUNITI PENIAGA PASAR AWAM DAN MEDAN SELERA, TANJUNG TUALANG

Tanjung Tualang- 10 Februari 2025, Setiap gerak kerja dan pelaksanaan dasar dilaksana merujuk pada pandangan secara kolektif. Inisiatif ini merupakan aspirasi Majlis Daerah Batu Gajah untuk memastikan hubungan baik bersama komuniti setempat berada pada tahap yang terbaik.

En. Mohamad Razif Bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah, Ahli Majlis dan Ketua Jabatan turut bersama dalam sesi ini untuk mencapai persefahaman dan tindakan bagi kebaikan bersama.



SESI LIBAT URUS MAJLIS DAERAH BATU GAJAH BERSAMA KOMUNITI PENDUDUK TAMAN METRO MAYA 2

Batu Gajah - 11 Mac 2025, Tindakan penyelesaian aduan dan pencerahan akan isu yang dibangkitkan oleh komuniti setempat merupakan sebuah agenda yang wajar dilaksana oleh Majlis Daerah Batu Gajah dalam usaha memastikan pembangunan bandar yang lestari.

Keperluan komuniti melapor aduan dalam platform yang tepat adalah asas kepada tindakan penyelesaian kelak. Terima kasih diucapkan atas kerjasama ketua dan ahli komuniti Taman Metro Maya 2 yang dapat bersama-sama kepimpinan Majlis Daerah Batu Gajah pada pagi ini.



SESI LIBAT URUS MAJLIS DAERAH BATU GAJAH BERSAMA PENIAGA PASAR AWAM BAGI PELAKSANAAN PROGRAM JUALAN RAHMAM MADANI @ PASAR AWAM

Batu Gajah - 11 Mac 2025, Pentadbiran ini merakam ucapan penghargaan atas kesudian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Perak memilih Pasar Awam Batu Gajah sebagai sebuah lokasi bagi penganjuran program Jualan Rahmah Madani. Pastiya ketibaan Aidilfitri yang dinanti memberi kegembiraan kepada peniaga dan pengunjung di pasar Awam Batu Gajah. Nantikan pengumuman seterusnya bagi tarikh penganjuran program.





EDISI JAN - JUN
2025

01/25

○○○○

BULETIN

SEKITARAN MDBG



SIDANG REDAKSI

Penasihat

Mohamad Razif bin Ramli., PMP., AMP.,
Yang Dipertua

Ketua Editor

Setiausaha

Penolong Ketua Editor

Makhlis bin Othman

Sidang Editor / Media Sosial

Mohamad Shah Ridla bin Mohd Ismet
Mohd Omar bin Shoib
Hawa Syazwani binti Abdul Aziz

Reka Bentuk / Grafik

Fatin Hazwani Binti Tarmidzi

Fotografi

Nazrul Aswad bin Nazri
Muhamad Fitri bin Abdul Rahman
Muhammad Amar Syahmi bin Azhar



Diterbitkan oleh:

Majlis Daerah Batu Gajah Jalan Haji Abdul Wahab,
31000 Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan.
Telefon : 05-363 2020
Faks : 05-366 5930
E-mel : pentadbiran@mdbg.gov.my
Facebook : www.facebook.com/mdbatugajah